

16 AUG 1996

DR MAHATHIR LAWAT PUSAT KRAFTANGAN

LANGKAWI, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa setengah jam melawat Atma Alam Batik Art Village dalam rangka lawatan seharusnya ke sini hari ini.

Perdana Menteri yang diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid disambut oleh pengurus pusat batik itu, Puan Roshadah Yusof dan kakitangannya serta beberapa orang pelancong Jepun dan Eropah yang berada di situ.

Dr Mahathir, yang berada di sini kerana merasmikan Konvensyen Masyarakat Hokkien Sedunia yang kedua pagi tadi, sempat melawat galeri batik, pertukangan barangan perak dan pelbagai kraftangan negeri-negeri di Malaysia di pusat itu.

Roshadah berkata batik keluaran Atma Alam pernah mendapat tempahan daripada beberapa negara seperti China, Jepun, Jerman, Sweden dan Amerika Syarikat.

Perdana Menteri turut melawat projek Port Langkasuka, jeti kapal mewah di Tanjung Malai dan jeti kargo di Tanjung Lembong.

Beliau menunaikan solat Jumaat di Masjid Bayas dan berehat di Kampung Tok Senik.

Malam ini, Dr Mahathir dijadual menghadiri jamuan sempena Konvensyen Masyarakat Hokkien Sedunia sebelum berlepas ke Kuala Lumpur. -- BERNAMA

ZI MAI